

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED
ABDUL FASAL [BUKIT GANTANG]

TARIKH : 9 NOVEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED ABDUL FASAL [BUKIT GANTANG] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan langkah-langkah proaktif dan berkesan yang diambil Kementerian bagi melandaikan lengkung kes COVID-19 pada masa ini setelah jumlah kes positif COVID-19 kembali meningkat selepas tarikh 26 September 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagaimana semua sedia maklum, **gelombang ketiga COVID-19 di Malaysia bermula pada 20 September 2020 memandangkan terdapat peningkatan pelaporan kes COVID-19 di beberapa negeri.** Negeri-negeri yang melaporkan kes COVID-19 yang tertinggi adalah negeri Kedah dan Sabah. Lonjakan kes COVID-19 semasa fasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) ini mendorong Kerajaan untuk mengambil langkah-langkah proaktif dan berkesan untuk membendung penularan jangkitan COVID-19 di Malaysia.
2. Justeru, bagi memastikan koordinasi bagi aktiviti pengesanan kes dan kawalan pencegahan COVID-19 dapat dijalankan secara sistematik dan berkesan di setiap negeri, **Kerajaan telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan Bersasar (PKPDB) di beberapa daerah di Sabah diikuti dengan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di Baling, Kedah**

dan beberapa negeri seperti Sabah, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

3. Sehingga kini, negeri Sabah mencatatkan jumlah kes tertinggi berbanding negeri-negeri lain. Mengambil kira situasi semasa, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- i. Mempertingkatkan aktiviti pengesanan kes dan kontak secara aktif di lapangan bagi memastikan kesemua yang terlibat disaring dan diasingkan daripada komuniti;
- ii. Menjalankan aktiviti nyah kuman dan nyah cemar;
- iii. Mempertingkatkan penguatkuasaan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP);
- iv. Menekan pentingnya pematuhan Prosedur Amalan Standard (SOP) yang ditetapkan oleh Kerajaan;
- v. Memberi pendidikan kesihatan kepada masyarakat termasuklah nasihat-nasihat KKM;
- vi. Mempertingkatkan komunikasi risiko, termasuk memaklumkan situasi terkini COVID-19;
- vii. Meningkatkan kapasiti ujian makmal RT-PCR dan RTK Antigen;
- viii. Meningkatkan kapasiti katil di hospital COVID-19 serta Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) termasuklah penyediaan hospital medan dengan kerjasama Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di Tawau;
- ix. Meningkatkan kapasiti katil Unit Rawatan Rapi (ICU) dan alat mesin bantuan pernafasan (*ventilator*);
- x. Meningkatkan kapasiti dan mobilisasi tenaga sumber manusia Perubatan dan Kesihatan Awam; dan

- xi. Penyumberluaran (*outsourcing*) perkhidmatan Perubatan bagi kes-kes bukan COVID-19.

4. Walau bagaimanapun, saranan dan nasihat yang sering ditekankan oleh KKM haruslah terus dipatuhi kerana ini merupakan tanggungjawab sosial yang patut diamalkan sebagai usaha bersama mengekang jangkitan COVID-19. Jadikanlah nasihat-nasihat ini satu kebiasaan baharu dalam kehidupan harian:

- Elakkan 3S / 3C; iaitu elakkan kawasan yang sesak (*Crowded place*), elakkan kawasan yang sempit (*Confined space*) dan elak sembang atau bertutur dengan jarak yang dekat (*Close conversation*).
- Elakkan bersalaman / bersentuhan termasuk melagakan mana-mana bahagian tubuh badan sebagai menggantikan cara kebiasaan bersalam dan:
 - i. Amalkan etika batuk dan bersin;
 - ii. Dapatkan rawatan segera jika bergejala;
 - iii. Duduk di rumah dan elakkan kunjung-mengunjung;
 - iv. Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.
- Patuhlah kepada S.O.P sebagai normal baharu iaitu:
 - i. S: Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP);
 - ii. O: Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;
 - iii. P: Penjarakan fizikal (*physical distancing*) sekurang-kurangnya 1 meter diamalkan pada setiap masa.

Sekian, terima kasih.